

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JKP413 – Pembangunan Politik Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Bahagian A **WAJIB** dijawab. Pilih dan jawab **DUA (2)** soalan sahaja dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

BAHAGIAN A : Soalan WAJIB dijawab.

1. '*Through surveys done in the past by Merdeka Center, we know that the major communities that make up the Malaysian citizenry see the world through different lenses: they read and learn about news in different languages, hold affinity to different regions of the world and dream about different vacation destinations. The Malay Muslims feel affinity for news and developments in other Muslim countries, particularly the troubled Middle East, dream about vacations in Turkey or Central Asia and imagine furthering their careers in the Gulf states. On the other hand, the Chinese follow news and entertainment from Hong Kong, China and Taiwan, they also consume more news from Western media outlets than their Muslim counterparts, and many imagine seeking employment in Singapore or further afield in places such as Australia or the rest of the West. As such, it is inevitable that their worldviews are different. Thus, while one part of society is transfixed on the violence perpetrated in places like Manchester or Paris, the other is affected by the daily atrocities in places like Syria, Palestine, Pakistan or Afghanistan'*

[Menurut survei-survei lepas yang dijalankan oleh Merdeka Center, kita tahu bahawa komuniti-komuniti utama yang membentuk kewarganegaraan Malaysia melihat dunia melalui lensa yang berbeza: mereka membaca berita dan belajar tentang berita dalam bahasa yang berlainan, memegang keserasian dengan kawasan-kawasan dunia yang berlainan dan bermimpi tentang destinasi percutian yang berbeda. Golongan Melayu-Muslim serasi dengan berita dan perkembangan negara-negara Muslim yang lain, terutamanya Timur Tengah yang berkecamuk, bermimpi tentang percutian di Turki atau Asia Tengah dan berimajinasi tentang melanjutkan karier mereka di negara-negara Teluk. Sebaliknya, warga Malaysia etnik Cina mengikuti berita dan hiburan dari Hong Kong, China dan Taiwan; mereka lebih banyak menghadam berita dari saluran media Barat daripada saluran rakan seangkatan Muslim mereka, dan ramai membayangkan bekerja di Singapura atau lebih jauh lagi di tempat-tempat seperti Australia atau lain-lain tempat di Barat. Oleh yang demikian, pandangan hidup mereka yang saling berbeza tidak dapat dielakkan lagi. Sementara sebahagian dari masyarakat terpegun dengan keganasan di tempat-tempat seperti Manchester atau Paris, sebahagian lagi terkesan oleh kekejaman harian di tempat-tempat seperti Syria, Palestine, Pakistan atau Afghanistan.] (Ibrahim Suffian, '*Wisdom of the masses: Navigating multi-culturalism*', *The Star Online*, 4 Jun 2017).

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian oleh firma pungutan pendapat awam Merdeka Centre seperti dirumuskan oleh pengarahnya Ibrahim Suffian di atas, bincangkan tahap hubungan kaum di Malaysia selepas 60 tahun negara ini mencapai kemerdekaan.

(100 markah)

...3/-

- 3 -

BAHAGIAN B

Pilih dan jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

2. Sejauh manakah pembangunan politik Malaysia era Najib Razak dibayangi oleh kemelut *1Malaysia Development Berhad (1MDB)*?
(100 markah)
3. Menurut laporan Bernama, '*BN Government Committed Make Malaysia An Islamic State - Asyraf Wajdi*,' bertarikh 14 Oktober 2017, kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Najib Razak tetap berazam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam. Namun dakwaan Timbalan Menteri Dalam Negeri Asyraf Wajdi Dusuki telah disanggah oleh MCA dan parti-parti komponen BN di Sabah dan Sarawak. Mengapakah berlaku perbezaan pendapat yang ketara dalam soal menentukan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam atau tidak?
(100 markah)
4. Pada bulan Julai 2017, Ketua Menteri Sarawak Abang Johari Tun Openg telah menghantar rombongan peguam ke United Kingdom untuk menyiasat lebih mendalam tentang hak-hak Sarawak yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963. Namun, pada masa yang sama, Abang Johari menafikan bahawa tindakan tersebut merupakan strategi awal Sarawak untuk berpisah dari persekutuan Malaysia ('Abang Jo: Sarawak not seeking 'exit strategy' from Malaysia,' *The Star Online*, 22 Julai 2017).

Mengapakah desakan mengembalikan kedudukan Sarawak yang didakwa telah dilunturkan dari perjanjian asal penubuhan Malaysia timbul dalam era pemerintahan Najib Razak? Sejauh mana kes Sabah, yang kelihatan kurang lantang dari Sarawak, berbeza dari kes Sarawak?

(100 markah)

- 4 -

5. Berikan komen anda secara ringkas dan padat tentang impak tiga daripada organisasi atau parti politik berikut dalam mewarnai demokrasi kontemporari di Malaysia:
- (a). Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).
 - (b). Parti Amanah Negara (AMANAH).
 - (c). Islamic Renaissance Front (IRF).
 - (d). Pakatan Harapan (PH).
 - (e). Parti Warisan Sabah (PWS).
 - (f). Sidang Injil Borneo (SIB).

(100 markah)

- oooOooo -